


DISEMBER 1 -15, 2020

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pelaburan pembuatan RM10.6 bilion

## (Januari - September 2020)

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan pembuatan bernilai RM10.6 bilion bagi tempoh sembilan bulan pertama (Januari hingga September 2020) walaupun berdepan cabaran ekoran penularan pandemik COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa 83 peratus daripada jumlah tersebut adalah disumbangkan oleh pelaburan langsung asing (FDI) yang telah meletakkan Pulau Pinang sebagai penyumbang FDI kedua tertinggi dalam negara.

"Pelaburan langsung domestik (DDI) pula meningkat 42 peratus dari tahun ke tahun, dan bagi tempoh Januari hingga September 2020 adalah sebanyak RM1.8 bilion.

"Jumlah tersebut adalah membabitkan pelaburan daripada beberapa projek terkemuka iaitu *Federal Oats Mills*, *Iconic Medicare*, *Straits Orthopedics* dan *ViTrox Technologies*," katanya pada sidang media di sini 19 November lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng.

Tambah Kon Yeow, jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan kebanyakannya adalah daripada industri utama yang dipromosikan di negeri ini iaitu industri jentera dan peralatan, peralatan saintifik, serta pengukuran elektronik dan elektrik.

"Dijangkakan, menurut MIDA, keseluruhan projek yang diluluskan sehingga suku ketiga tahun ini akan dapat menghasilkan 9,137 peluang pekerjaan baru di Pulau Pinang," ujarnya.

Jelas beliau lagi, Pulau Pinang berjaya meraih RM1.5 bilion pelaburan pembuatan yang diluluskan menjelang suku ketiga (Julai hingga September) tahun ini.

Menurut beliau, daripada jumlah itu, RM1.1 bilion atau 73 peratus aliran masuk pelaburan pembuatan diperoleh daripada DDI, manakala baki RM401.9 juta atau 27 peratus adalah (daripada) FDI.

"Mengikut prestasi terkini dikeluarkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Pulau Pinang mencatatkan 47 projek dalam suku ketiga tahun ini," ulasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa aliran masuk pelaburan di negeri ini akan menjadi sederhana dalam separuh masa kedua tahun 2020 memandangkan terdapat pelbagai sekatan ekoran penularan pandemik COVID-19

Kata beliau, gelombang ketiga pandemik serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyebabkan prestasi pelaburan Pulau Pinang bagi tahun ini tidak akan menandingi paras tertinggi sepanjang masa yang dicatatkan pada 2019 iaitu RM16.9 bilion.

"Bagaimanapun, dengan sinergi kukuh antara Kerajaan Negeri dan agensi Persekutuan khususnya MIDA termasuk insentif pelaburan yang diumumkan baru-baru ini dalam Belanjawan 2021, saya yakin Pulau Pinang mampu menangani ketidaktentuan semasa.

"Kami (Kerajaan Negeri) menantikan 2021 yang lebih bersemangat, yang mana perniagaan atau keputusan pelaburan tidak lagi terikat dengan kesan pandemik.

"Kami akan terus berusaha untuk memastikan Pulau Pinang kekal sebagai Lembah Silikon Timur," tegasnya.




KETUA Menteri dan Abdul Halim Hussain (kiri) menunjukkan perangkaan pelaburan negeri pada sidang media di sini baru-baru ini.

**Manufacturing Projects Approved by State, January-September 2020 and 2019**

| State | Jan-Sept, 2020 No. | Jan-Sept, 2020 Domestic Investment* (RM million) | Jan-Sept, 2020 Foreign Investment* (RM million) | Jan-Sept, 2020 Total Capital Investment* (RM million) | 2019 (R) No. | 2019 (R) Domestic Investment* (RM million) | 2019 (R) Foreign Investment* (RM million) | 2019 (R) Total Capital Investment* (RM million) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Sarawak | 19 | 438.2 | 15,370.8 | 15,809.0 | 18 | 837.4 | 1,745.1 | 2,582.5 |
| Sabah | 12 | 11,849.2 | 11.5 | 11,860.6 | 15 | 1,603.2 | 4,853.0 | 6,456.2 |
| **Pulau Pinang** | **108** | **1,783.3** | **8,824.2** | **10,607.5** | **166** | **1,854.9** | **15,000.4** | **16,855.4** |
| Selangor | 234 | 4,600.5 | 2,699.7 | 7,300.2 | 315 | 6,625.4 | 10,414.9 | 17,040.2 |
| Johor | 165 | 2,319.5 | 3,395.2 | 5,714.7 | 209 | 4,916.5 | 6,538.7 | 11,455.2 |
| Pahang | 24 | 309.2 | 2,817.1 | 3,126.3 | 34 | 452.3 | 4,490.7 | 4,943.0 |
| Negeri Sembilan | 24 | 1,440.9 | 754.3 | 2,195.3 | 44 | 2,259.1 | 1,306.7 | 3,565.7 |
| Kedah | 59 | 857.6 | 1,096.6 | 1,954.2 | 54 | 3,390.9 | 8,086.0 | 11,476.9 |
| Terengganu | 7 | 69.6 | 1,817.0 | 1,886.7 | 8 | 588.8 | 50.0 | 638.8 |
| Perak | 39 | 771.7 | 1,017.0 | 1,788.7 | 72 | 4,969.0 | 1,624.3 | 6,593.2 |
| W.P. Kuala Lumpur | 11 | 172.8 | 1,047.5 | 1,220.4 | 12 | 169.5 | 4.7 | 174.2 |
| Melaka | 32 | 617.3 | 583.0 | 1,200.3 | 35 | 609.5 | 269.9 | 879.3 |
| Perlis | 4 | 612.9 | 0.0 | 612.9 | 1 | 0.0 | 53.3 | 53.3 |
| Kelantan | 1 | 37.1 | 0.0 | 37.1 | 5 | 12.1 | 6.4 | 18.5 |
| W.P. Labuan | 1 | 21.1 | 0.0 | 21.1 | - | - | - | - |
| TOTAL | 740 | 25,901.1 | 39,433.9 | 65,335.1 | 988 | 28,288.5 | 54,444.1 | 82,732.6 |

Ringgit Malaysia - RM

JUMLAH pelaburan pembuatan diluluskan bagi seluruh negara bagi tempoh Januari hingga September 2020 dan 2019. (Sumber: MIDA).

# Dermasiswa Pengajian ZPP bantu pelajar layak

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**MOHD. AZRI ABU BAKAR**, 23, pelajar jurusan perubatan dalam program berkembar Manchester-Universiti Mansoura di Mesir merupakan antara 1,031 penerima Bantuan Dermasiswa Pengajian ZPP dalam majlis penyampaian sumbangan yang diadakan di sini pada 2 November 2020.



**MOHD. Azri Abu Bakar.**

Beliau mendapat RM20,000 bantuan kewangan, diagihkan sendiri oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dengan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Amran Hazali dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAINPP), Mohd. Zakuan Zakaria.

Para penerima, masing-masing memuji prosedur operasi standard (SOP) permohonan dan pengagihan Bantuan Dermasiswa Pengajian ZPP yang diuruskan oleh pusat berkenaan.

"Permohonan zakat adalah sangat mudah, saya tunggu permohonan dibuka (pengumuman menerusi) *Facebook* dan *Instagram*, daftar secara dalam talian, hantar salinan dokumen yang diperlukan dan tunggu jawapan (status permohonan).

"Dengan jumlah itu, Alhamdulillah dapat membayar lebih daripada separuh yuran yang diperuntukan," jelas Mohd. Azri sambil menzahirkan rasa syukur serta berterima kasih terhadap kepemimpinan Kerajaan Negeri.

Menurutnya, penerimaan pada majlis berkaitan merupakan kali yang ketiga buat beliau berhubung bantuan daripada sumber zakat negeri yang diagihkan ZPP.

Serentak itu, Mohd. Azri turut memuji usaha pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memperbaiki kaedah permohonan serta penyaluran agihan bantuan pendidikan zakat negeri sebagaimana dijelaskan oleh Ahmad Zakiyuddin ketika merasmikan Majlis Penyerahan Bantuan Dermasiswa Pengajian Zakat Pulau Pinang 2020 berkenaan.

Ketika berucap sebelum itu, Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa sebanyak RM5.35 juta dana zakat diagihkan kepada asnaf fisabilillah merangkumi pelajar peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (Ph.D).

"Bantuan ini juga meliputi pelajar-pelajar bidang pengajian Islam dan kedoktoran di luar negara seperti Mesir, Maghribi, Rusia dan Indonesia.

"Sebelum ini, bantuan dermasiswa ini dikenali sebagai Bantuan Dermasiswa E-Minhah yang diuruskan JHEAINPP, namun pada tahun ini, ZPP akan menguruskan bantuan dermasiswa ini sepenuhnya dengan dijenamakan semula sebagai Bantuan Dermasiswa Pengajian ZPP," ujarnya yang juga Yang Dipertua MAINPP merangkap Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.



**NOOR Afini Abdul Aziz.**

**NOOR AFINI ABDUL AZIZ**, 23, merupakan seorang lagi penerima Bantuan Dermasiswa Pengajian ZPP.

Mahasiswa bidang Linguistik Bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia (USM) tersebut memberitahu bahawa beliau mendapat RM3,500 bantuan dermasiswa secara sekaligus, sungguhpun lahir di negeri Perak tetapi lama menetap di negeri ini.

"Sememangnya, bantuan ZPP ini sangat membantu saya meneruskan pengajian terutama bagi mengharungi pandemik COVID-19 kini.

"Bagi saya proses permohonan tidak terlalu sukar dan rumit, mudah untuk pemohon membekalkan segala maklumat yang mereka (ZPP) kehendaki.

"Proses permohonan adalah secara dalam talian, pada masa sama kami (para pemohon) turut diminta membekalkan salinan dokumen kepada ZPP," ulasnya lagi sambil memuji pantadbiran badan agihan zakat negeri.



**LUKMAN Hakim Awang Kecil.**

Nada sama turut dikongsi oleh seorang lagi penerima, **LUKMAN HAKIM AWANG KECIL**, 20, pelajar ijazah sarjana muda jurusan Bahasa Arab dan Sastera di Universiti Yarmouk, Jordan.

"Kalau ikutkan saya sudah tahun ketiga pengajian di Jordan, bagi saya, majlis penyampaian bantuan dermasiswa ini adalah suatu kesyukuran kepada kami yang belajar di luar negara.

"Bagi saya kaedah permohonan bantuan zakat negeri tidak payah kerana ZPP telah memudahkan proses," jelasnya sambil memperincikan proses berkenaan.

Bercakap dalam sidang media selepas itu, Amran menyatakan bahawa saban tahun ZPP memperuntukkan sehingga RM6 juta daripada sumber kutipan zakat



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ketika berucap dekat Majlis Penyerahan Bantuan Dermasiswa Pengajian Zakat Pulau Pinang 2020 di sini baru-baru ini.**

untuk memenuhi keperluan pelajar melanjutkan pengajian dalam pelbagai peringkat ijazah akademik.

"Para penerima Bantuan Dermasiswa Pengajian ZPP pada kali ini menerima bantuan dalam pelbagai jumlah, minimum RM2,500 hingga kadar maksimum RM20,000 bergantung kepada tahap serta tempoh pengajian.

"Bantuan Dermasiswa Pengajian ZPP ini layak dimohon dengan menggunakan keputusan akademik tahun satu pengajian masing-masing dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 2.5 dan ke atas.

"Kita (ZPP) akan terus cuba mengurangkan tempoh pemprosesan permohonan dan birokrasi...biasanya permohonan akan dibuka dalam tempoh sebulan (manakala) dua bulan berikutnya para pemohon boleh mendapat jawapan sama ada layak ataupun tidak...hantaran duit terus ke akaun penerima," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kepada para pembayar zakat fitrah serta zakat korporat melalui ZPP.

Dalam perkembangan berkaitan, Amran memberitahu bahawa ZPP turut menyediakan 'Bantuan Permulaan Ke IPT' selain Bantuan Dermasiswa Pengajian ZPP.

# Projek *Penang Art District* mula tahun depan

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa projek pembangunan *Penang Art District* yang dirancang oleh Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun lalu bakal dimulakan pada tahun depan (2021).

Beliau berkata, projek yang bakal memberi manfaat kepada pencinta seni itu bakal dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) seluas sembilan ekar dekat Gat Lebuh Macallum.

"Idea mewujudkan *Penang Art District* dimulakan oleh mantan Ketua Menteri dan telah tergendala sejak beberapa tahun lalu.

"Pada masa itu, beberapa lokasi telah dipertimbangkan tetapi pada akhirnya Kerajaan Negeri memutuskan untuk membangunkan kawasan seni ini di Gat Lebuh Macallum," katanya semasa merasmikan Pameran Koleksi Tetap Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) dekat Dewan Sri Pinang di sini 8 November lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin; Pengerusi BSLNPP, Lee Khai serta Naib Pengerusi BSLNPP, Datuk Dr. Tan Chee Khuan.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan untuk memulakan kerja-kerja awal rancangan pembangunan *Penang Art District* seperti menyediakan pelan dan sebagainya.

"Kerajaan Negeri berusaha memenuhi manifesto pilihan raya umum lalu termasuk mewujudkan *Penang Art District*.

"Langkah ini juga membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak akan memungkiri janji yang dibuat kepada rakyat di negeri ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow menyifatkan penganjuran Pameran Koleksi Tetap sebagai platform terbaik untuk Lembaga Muzium dan BSLNPP terus mengorak langkah setaraf dengan muzium bertaraf antarabangsa yang lain.

"Namun kejayaan ini mungkin tidak dapat diraih tanpa adanya sifat dedikasi dan murah hati daripada Datuk Dr. Tan Chee Khuan yang telah mendermakan sebanyak 330 buah karya milik beliau kepada BSLNPP untuk dijadikan koleksi tetap.

"Dengan pertambahan 330 karya ini, BSLNPP akan terus mara ke hadapan dengan menjadi sebuah institusi seni yang gah lagi disegani selain bakal menjadi rujukan serta kegiatan seni di rantau ini.

"Kesemua karya ini akan menjadi aset bernilai kepada Kerajaan Negeri terutama kepada BSLNPP," ulasnya.

Dalam pada itu, Soon Hin menyatakan bahawa karya dermaan Chee Khuan bakal dimanfaatkan oleh para pencinta serta pengkaji seni dalam menambah ilmu pengetahuan, pengalaman selain dijadikan sebagai motivasi untuk terus maju.

"Melalui dermaan karya ini juga, ia akan melonjakkan nama BSLNPP sebagai antara institusi seni yang menghimpunkan karya-karya lengkap.

"Hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat ekonomi kreatif dan kegiatan seni terulung akan dapat dicapai jika institusi seni sentiasa berganding bahu bersama-sama pelukis serta pengumpul seni.

"Jalinan kerjasama yang utuh ini akan membuahkan hasil dan memberikan manfaat kepada semua masyarakat khususnya kepada pencinta seni," jelasnya.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Lembaga Perumahan, semua agensi bawah satu bumbung

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**TANJUNG BUNGA –** Pulau Pinang bakal membuka lembaran baharu dalam sektor perumahan apabila Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010 yang diluluskan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Oktober lalu akan mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo ketika ditemui menzahirkan penghargaan kepada Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai atas usahanya memulakan inisiatif berkaitan semasa memegang jawatan Exco Perumahan dahulu.

Menurut Jagdeep, dengan kelulusan enakmen tersebut, maka segala isu berhubung hal ehwal perumahan dan agenda berkaitan diselaraskan dengan lebih teratur di bawah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

"Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang akan memastikan isu-isu mengenai pembekalan rumah mampu milik kepada rakyat mencukupi dan diberi perhatian khusus.

"Sebelum ini, segala urusan dikendalikan oleh Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta agensi negeri seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) atau Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri) mahu menghubungkan semua agensi berkaitan di bawah satu bumbung supaya dapat berkongsi matlamat sama iaitu menyediakan bekalan rumah mampu milik mencukupi kepada rakyat," ujarnya yang hadir pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran dan Kunci Projek Rumah Mampu Milik Jenis B kepada bakal penghuni Ceria Residence dekat Batu Ferringhi di sini 24 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang akan dipengerusikan oleh Ketua Menteri sejajar dengan keperluan enakmen tersebut.

"Buat masa ini, di Bahagian Perumahan (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) terdapat 192 kakitangan dan 132 daripadanya akan dipindahkan ke Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

"Bagi Ahli Lembaga Pengarah pula, terdapat sembilan individu termasuk Ketua Menteri; saya sendiri; Pegawai Kewangan Negeri; Pegawai Undang-Undang Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri, termasuk beberapa lantikan lain yang akan dibuat kelak.

"Kita (Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang) juga ada menjemput Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) untuk menjadi sebahagian daripada ahli lembaga perumahan ini," jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan penyerahan surat tawaran serta kunci sebelum itu dalam ucaptama beliau menzahirkan kelegaan dengan tertubuhnya Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

"Penubuhan lembaga ini memerlukan masa yang lama kerana ia melibatkan persetujuan daripada pihak Persekutuan.



**KETUA Menteri menyerahkan surat tawaran kepada salah seorang bakal penghuni Ceria Residence pada majlis penyerahan yang diadakan di sini baru-baru ini.**

"(Dan) kini, akhirnya terlaksana juga," katanya.

Dalam majlis sama, Kon Yeow turut berasa teruja apabila projek perumahan mampu milik Ceria Residence berkenaan siap sepenuhnya dan sedia untuk didiami.

Difahamkan, 280 daripada 380 unit diperuntukan kepada penduduk Kampung Chetty yang sebelum ini menghadapi masalah pengusiran pihak ketiga manakala baki ditawarkan kepada pemohon yang berdaftar undi di negeri ini.

## Pulau Pinang komited tingkat pembekalan RMM dan PPR

**JAWI -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya mahu meningkatkan pembekalan rumah mampu milik (RMM) dan projek perumahan rakyat (PPR) untuk didiami rakyat kebanyakan terutama golongan berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) di negeri ini.

Beliau menyatakan sedemikian selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Pembangunan 272 Unit RMM Jenis A Taman Kalidonia Indah yang akan dimajukan oleh firma Eco Horizon Sdn. Bhd. di sini pada 24 Oktober 2020.

"Kesemua lima bidang tanah berkenaan pernah dicadangkan kepada KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) sebelum ini... bagi tujuan pelaksanaan projek RMM dan PPR, untuk rakyat terutama golongan B40.

"Sebab, Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) memang tidak berminat untuk melaksanakan projek rumah mewah...(kerana) tanggungjawab Kerajaan Negeri adalah lebih kepada tanggungjawab sosial.

"Jadi, kita (Kerajaan Negeri) sangat berharap projek rumah rakyat di Taman Kalidonia Indah ini membawa kesejahteraan kepada rakyat terutama golongan B40," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Selain Kon Yeow, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo turut berucap pada majlis tersebut.

Turut serta, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; ADUN Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah yang juga Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Marlia Mohd. Belia; Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ir. Rosnani Mahmod dan Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi.

Ketika berucap sebelum itu, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Eco World Group Berhad, Datuk S. Sundarajoo dan Pengurus Besar Bahagian Utara Eco Horizon Sdn. Bhd. kerana bersetuju untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan projek perumahan rakyat di Taman Kalidonia Indah.

"Kerajaan Negeri ada tanah, sementara pemaju ada kemampuan untuk membina rumah, jadi kita saling bekerjasama mewujudkan perumahan rakyat di atas tanah Ladang Kalidonia ini.

"Saya berharap model kerjasama ini berjaya melebihi nilai ringgit dan sen... sebelum diperluaskan model ini dengan melibatkan tanah-tanah Kerajaan Negeri lain pada masa hadapan," responsnya yang juga ADUN Pengkalan Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Difahamkan, Kerajaan Negeri menyediakan tanah seluas 15.106 ekar bernilai RM14 juta secara percuma untuk Eco Horizon Sdn. Bhd. membiayai kos pemajuan 272 unit RMM Jenis A yang dianggarkan bernilai RM50.94 juta.

Diberi nama Taman Kalidonia A, fasa pertama projek adalah melibatkan 112 unit kediaman dengan anggaran kos pembinaan RM190,000 seunit, sementara baki 160 buah kediaman dimajukan dalam fasa kedua.

Kedua-dua fasa pemajuan RMM dengan 650 kaki persegi luas lantai tiap-tiap unit kediaman dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025.

Sehingga kini, pembekalan RMM dalam pelbagai peringkat pemajuan adalah berjumlah 106,742 unit.

Ikut pecahan, 34,388 unit telah siap dibina, sementara 20,180 lain sedang dibina dan 52,174 unit dalam proses kelulusan untuk pembinaan.

Daripada jumlah itu, menurut rekod Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 26,616 unit adalah RMM Jenis A, Jenis B (26,955 unit) dan Jenis C (53,131 unit), masing-masing dengan harga tawaran RM42,000, RM72,500 dan bawah siling harga RM300,000.



# Cat semula flat, kecapi kualiti kehidupan lebih selesa

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PANTAI JEREJAK -** Projek pengecatan semula 12 blok flat dekat Jalan Tengah yang menelan kos sebanyak RM1.35 juta disifatkan sebagai projek pengecatan semula terbesar untuk kelompok B40 di sini.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, projek tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan nasib mana-mana kelompok termasuk B40 dalam mengecapi kualiti kehidupan yang lebih selesa.

Menurut beliau, 80 peratus kos projek dibiayai oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) manakala baki adalah melalui peruntukan Kerajaan Negeri (10 peratus) dan peruntukan bercampur melibatkan Perbadanan Pengurusan Flat Jalan Tengah, pejabat Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak (10 peratus).

"Sungguhpun dalam kesibukan menangani penularan COVID-19, namun daripada aspek lain, kita (Kerajaan Negeri) tidak lupa dalam mengangkat kualiti kehidupan penduduk di sini yang mana rata-ratanya adalah daripada kelompok B40," katanya sejurus mengadakan lawatan ke tapak projek pengecatan semula tersebut pada 22 Oktober lalu.

Dalam pada itu, Tze Tzin turut menyeru penghuni-penghuni di 12 blok terlibat untuk sama-sama memelihara imej lokaliti tersebut dengan menjaga kebersihan setempat.

"Penting untuk kita amalkan kebersihan kendiri lebih-lebih lagi kini kita dalam peperangan membendung pandemik COVID-19," ujarnya.

Difahamkan, kerja-kerja pengecatan siap sepenuhnya pada penghujung November 2020.



**SIM Tze Tzin (barisan hadapan, dua dari kiri) dan wakil-wakil terlibat menunjukkan dokumen berkaitan sejurus lawatan ke tapak projek pengecatan semula 12 blok flat dekat Jalan Tengah di sini baru-baru ini.**

## Penglibatan rakyat rangka RKK UNESCO George Town

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa Pulau Pinang (PLAN Malaysia) menyeru rakyat Pulau Pinang untuk terlibat secara khusus dalam merangka Rancangan Kawasan Khas UNESCO George Town (RKK).

Menurut Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, pendapat rakyat dalam memelihara dan mengekalkan status warisan UNESCO adalah menjadi keutamaan.

"Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan pelihara serta jaga status kita sebagai satu kawasan UNESCO yang telah diiktiraf dunia, kita (Kerajaan Negeri) tidak akan berkompromi pada aspek berkaitan.

"Untuk itu, kita perlu lihat semua rancangan RKK tersebut, kita (Kerajaan Negeri) akan meminta pandangan orang awam sebagaimana RKK Bukit Bendera yang diadakan sebelum ini.

"Objektif utama RKK ini adalah untuk memberi manfaat kepada rakyat Pulau Pinang, justeru, Kerajaan Negeri mengalu-alukan penglibatan semua pihak di negeri ini,'' katanya pada sidang media bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 3 November lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Pengarah PLAN Malaysia Pulau Pinang, TPr. Norbi Desa; Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi dan Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee.

Zi Sen ketika berucap memberitahu bahawa dokumen RKK adalah amat penting bagi perancangan bandar serta menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri mendapatkan penglibatan rakyat dalam memelihara status bandar warisan dunia UNESCO.

"Apabila melibatkan orang awam, kita (Kerajaan Negeri) dapat meningkatkan lagi keberkesanan RKK, sekaligus mewujudkan pembangunan mampan," katanya.

Dalam pada itu, Norbi menyifatkan RKK juga adalah amat penting bagi merancang pembangunan mampan George Town daripada sudut ekonomi.

Tambah beliau, draf RKK perlu disiapkan pada April 2021 dan PLAN Malaysia Pulau Pinang akan menyediakan platform dalam talian sebagai medium sumbangan idea berkaitan dalam masa terdekat.

"Kita berada pada fasa satu, draf sepatutnya disiapkan September lepas, namun ditangguhkan ke April 2021.

"Sebaik sahaja RKK siap (April 2021), ianya akan dipaparkan dalam talian kepada umum dan orang ramai boleh beri pendapat untuk penambahbaikan," maklumnya.

Difahamkan, RKK sebelum ini dibuat pada tahun 2016 dan perlu diperbaharui sekurang-kurangnya dalam tempoh lima tahun.



**JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) bersama-sama barisan wakil terlibatmenunjukkan draf rancangan berkaitan bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

## Minimum 30% wanita peringkat Ahli Majlis dan Ahli Lembaga GLC

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang meluluskan cadangan untuk melantik sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan ahli lembaga pengarah anak-anak syarikat Kerajaan Negeri (GLC).

Bagaimanapun, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata bahawa pelantikan tersebut masih tertakluk kepada kelayakan dan kesesuaian calon yang dipertimbangkan.

Tambah beliau, cadangan tersebut adalah sejajar dengan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) diguna pakai Kerajaan Negeri sejak Mac 2019 yang bermatlamat untuk mewujudkan keseimbangan gender di setiap peringkat khususnya peringkat pembuat keputusan.

"Satu daripada strategi pelaksanaan DKG adalah dalam Pengurusan Seimbang Gender iaitu untuk mencapai nisbah 40:40:20 menjelang tahun 2030 yang bermaksud 40 peratus wanita, 40 peratus lelaki dan 20 peratus terbuka kepada lelaki dan wanita.

"Maka, 30 peratus perwakilan ini adalah tindakan positif ke arah mencapai sasaran tersebut," katanya pada sidang media berhubung perkara berkaitan di sini 2 November lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Ahli-Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP); Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng serta Senator, Lim Hui Ying.

Tambah Chong Eng, sasaran pelantikan minimum 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan juga selaras dengan visi Penang2030 yang menggalakkan dan memperkasakan penglibatan rakyat dalam pembangunan negeri Pulau Pinang.

"Cadangan ini juga adalah sebagai memenuhi janji manifesto Pakatan Harapan 2018 untuk mewujudkan lebih ramai pemimpin wanita serta meningkatkan penglibatan wanita dalam politik.

"Justeru, pelantikan Ahli Majlis PBT dan ahli lembaga pengarah GLC dikenal pasti sebagai platform terbaik untuk meningkatkan perwakilan wanita supaya suara dan keperluan golongan ini dapat dibawa ke peringkat pembuat keputusan," ujarnya lagi yang juga ADUN Padang Lalang.

Chong Eng menyatakan bahawa kekurangan perwakilan wanita dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang contohnya telah menyebabkan beberapa isu berkaitan kepentingan wanita gagal dibangkitkan.

"Adalah diharapkan Kerajaan Pusat dapat memberi tumpuan terhadap program pembangunan serta pemberdayaan wanita seperti menangani keganasan rumah tangga, gangguan seksual dan sebagainya dengan memberikan sokongan kepada mangsa-mangsa terlibat.

"Oleh itu, peruntukan untuk menangani isu-isu seperti ini adalah perlu disalurkan oleh pihak kerajaan supaya satu makanisme jelas dapat diwujudkan.

"Kerajaan Pusat boleh menggunakan contoh Dasar Keluarga Selamat yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mewujudkan *'First Support Point'* di kaunter-kaunter kerajaan yang mana ia membolehkan mangsa-mangsa keganasan berani tampil ke hadapan untuk mendapatkan bantuan.

"Usaha ini tidak menelan kos yang tinggi, sebaliknya hanya memerlukan latihan kepada kakitangan yang ada selain menggunakan kaunter-kaunter kerajaan sedia ada," ujarnya.

# International Inspirasi Khadijah platform khas usahawan wanita

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**PENANG** Halal International Sdn. Bhd. (PHI) bakal menganjurkan International Inspirasi Khadijah 2020 iaitu platform pameran secara maya khas untuk usahawan wanita tempatan di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PHI, Aida Lim Abdullah berkata bahawa tujuan pameran tersebut diadakan adalah bagi memberi sokongan kepada pembangunan keusahawanan dalam merancakkan lagi urus niaga rentas sempadan era baharu, e-dagang.

"Dalam masa sama, platform ini adalah untuk mempromosikan serta menghubungkan para usahawan wanita dan operator perniagaan dengan memfokuskan produk serta perkhidmatan untuk wanita.

"Pameran yang diadakan secara dalam talian dan interaktif ini akan mengumpulkan kumpulan individu wanita dengan minat atau kepakaran yang sama – seperti fesyen dan peruncitan global – sama ada melalui penjenamaan baru dari Malaysia mahupun seluruh dunia.

"Namun, usahawan lelaki juga boleh menyertai pameran ini asalkan mereka dapat mempamerkan produk atau perkhidmatan berteraskan kewanitaan," ujarnya ketika ditemu bual oleh Buletin Mutiara baru-baru di pejabat beliau di Komtar.



AIDA Lim Abdullah menunjukkan poster promosi International Inspirasi Khadijah 2020 yang bakal diadakan secara maya selama sebulan.

Difahamkan, International Inspirasi Khadijah 2020 bakal diadakan secara dalam talian pada 18 hingga 20 Disember 2020 dan diteruskan selama sebulan.

Menurut Aida, dijangka kira-kira 80 syarikat akan mengambil bahagian dalam pameran secara maya berkaitan dan pihaknya menjangkakan lebih 1,000 individu terdiri daripada orang awam dan peniaga akan mengunjungi acara tiga hari tersebut.

"(Dan) saya berharap, platform secara maya ini akan memberi galakan kepada mereka (peserta) untuk mempamer serta mempromosikan barangan dan perkhidmatan yang mereka tawarkan, sekaligus mengembangkan lagi perniagaan mereka," katanya.

Dalam pada itu, apabila ditanya mengenai pemilihan 'Inspirasi Khadijah', Aida memaklumkan bahawa beliau terpanggil mencontohi (Saidatina) Khadijah, isteri pertama kepada Nabi Muhammad SAW.

"Beliau merupakan seorang wanita yang luar biasa dalam coretan sejarah yang mana beliau juga seorang usahawan wanita yang berjaya.

"Kejayaan beliau bukan sahaja sebagai seorang usahawan yang berjaya, seorang ibu yang kuat tetapi juga dikenali kerana semangatnya mengatasi stereotaip terhadap wanita," responsnya yang turut berhasrat mewujudkan ekosistem perniagaan halal yang lestari di negara ini.

Maklumat lanjut berhubung International Inspirasi Khadijah 2020 boleh didapati di laman sesawang http://penanghalal.international atau *Facebook* PHI di *http://m.facebook.com/penanghalalinternational/*.


Taman Menerong Indah @ Bertam



**Rumah Berkembar**
**1 & ½ Tingkat**
**Jumlah unit : 12 unit**

Luas Tanah: 30′ x 68′
Luas Binaan: 1,298kp
Min : RM 358,000.00
Mak: RM 453,333.33



**Rumah Teres**
**1 & ½ Tingkat**
**Jumlah unit : 41 unit**

Luas Tanah: 20′ x 60′
Luas Binaan: 1,180kp
Min : RM 288,000.00
Mak: RM 420,000.00

**5% Diskaun Untuk Bumiputera**
**Hak Milik Kekal**

facebook **Publicity Development Sdn Bhd** (857277-W)
No 2, Tingkat 2, Persiaran Maklom,
Pusat Perniagaan Maklom,
13800 Butterworth, Pulau Pinang, Malaysia




PROJECT SITE

**04-358 0522** **04-356 4522**

Iklan ini telah diluluskan oleh Jabatan Perumahan Negara

No Lesen Pemaju : 19082-2/10-2021/0883(L) . Tempoh Sah : 03.10.2019-02.10.2021 . No Permit Iklan & Jualan : 19082-2/10-2021/0883(P) . Tempoh Sah : 03.10.2019-02.10.2021
No.Rujukan MPSP : MPSP/40/20-06/112 . Pelan Diluluskan : Majlis Perbandaran Seberang Perai . Tarikh Dijangka Siap : September 2021 . Bebanan Tanah : Public Bank Berhad .
Pegangan Tanah : Pegangan Bebas

Pembeli - pembeli Bumiputera yang berminat
Sila hubungi:
Bahagian Perumahan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505 242 Fax: 04-2622 904

# Pulihara jambatan kereta api lama Pinang Tunggal



**KEUNIKAN reka bentuk jambatan kereta api lama dekat Kampung Pinang Tunggal Tepi Sungai, SPU.**



**LAY Hock Peng (kiri) pada sesi jelajah ke jambatan kereta api lama dekat Kampung Pinang Tunggal Tepi Sungai di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PINANG TUNGGAL -** Jambatan kereta api lama dekat Kampung Pinang Tunggal Tepi Sungai kini kian popular sebagai lokasi bergambar kenang-kenangan, sekaligus menambahkan lagi daya tarikan pengunjung ke Seberang Perai Utara (SPU).

Justeru, Pegawai Penyelaras Khas bagi Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng meminta pihak berwajib supaya memulihara kawasan berkenaan agar ia selamat buat semua pengunjung.

"Kita mengetahui tempat ini begitu cantik, jadi, kita mahu tempat ini dijaga supaya ia selamat untuk dikunjungi," jelasnya dalam program jelajah di beberapa lokasi terpilih sekitar kawasan Parlimen Tasek Gelugor dan Kepala Batas di sini pada 3 November 2020.

Difahamkan, sebelum wujudnya landasan berkembar ETS, jambatan kereta api lama di Pinang Tunggal tersebut adalah laluan penting untuk membawa gerabak ke utara Semenanjung negara.

Dalam perkembangan lain, Hock Peng turut mengagihkan pek makanan serta pelitup muka kepada murid-murid di dua sekolah dekat Pekan Bertam di sini.


# AMBAY PARK (FASA 2A) (BANDAR TASEK MUTIARA)



RUMAH TERES 2 TINGKAT (Jenis A) - FASA 2A

| | |
|---|---|
| Keluasan Petak Tanah | : 112 mp (min) - 205 mp (max) |
| Keluasan Binaan | : 191 mp (min) - 203 mp (max) |
| Harga Jualan | : RM618,000 (min) - RM729,000 (max) |
| Bilangan Unit | : 20 |



RUMAH TERES 2 TINGKAT (Jenis B) - FASA 2A

| | |
|---|---|
| Keluasan Petak Tanah | : 106 mp (min) - 194 mp (max) |
| Keluasan Binaan | : 181 mp (min) - 194 mp (max) |
| Harga Jualan | : RM558,000 (min) - RM659,000 (max) |
| Bilangan Unit | : 57 |

Hakmilik Kekal




Pelan Lokasi

PALMINGTON SDN BHD (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090
Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera

No. Lesen Pemaju : 11882-14/08-2021/0750(L) Tempoh Sah : 16/08/2019 - 15/08/2021
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-14/08-2021/0750(P) Tempoh Sah : 16/08/2019 - 15/08/2021
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-75/60
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : September 2021
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : Tiada
Sekatan Kepentingan : Tiada
IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Bilangan Unit :
Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 2A - Jenis A) - 20 unit
Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 2A - Jenis B) - 57 unit

## SENARAI PERHUBUNGAN PERSATUAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG 2020

**PERSATUAN ANGKAT BERAT AMATOR PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4099020
EMAIL: ramalingamretnam7@gmail.com

**PERSATUAN BADMINTON PULAU PINANG**
NO TEL: 017-4774888 / 04-5080777
EMAIL: kwloeong@rocketmail.com

**PERSATUAN BERBASIKAL NEGERI PULAU PINANG**
NO TEL: 012-4098110
EMAIL: encikmunir1965@gmail.com

**PERSATUAN BILIARD DAN SNUKER PULAU PINANG (BARU)**
NO TEL: 012-4032713
EMAIL: penangbnsa@gmail.com

**PERSATUAN BINA BADAN PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4707882
EMAIL: bodysifu@gmail.com / shukri.sunworld@gmail.com

**PERSATUAN BOLA BALING PULAU PINANG (BARU)**
NO TEL: 019-4334274
EMAIL: sitibalqiskhalid@gmail.com

**PERSATUAN BOLA JARING PULAU PINANG (BARU)**
NO TEL: 012-5323902
EMAIL: eida_bern83@yahoo.com

**PERSATUAN BOLA KERANJANG PULAU PINANG**
NO TEL: 019-4486190
EMAIL: cwtan.hla@gmail.com

**PERSATUAN BOLASEPAK PULAU PINANG**
NO TEL: 04-2289454
EMAIL: fapenang1921@gmail.com

**PERSATUAN BOLA TAMPAR PULAU PINANG**
NO TEL: 012-4091387
EMAIL: pllian9999@gmail.com

**PERSATUAN CATUR NEGERI PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4718273
EMAIL: tehinhooi@gmail.com

**PERSATUAN SUKAN ELEKTRONIK PULAU PINANG**
NO TEL: 013-7718346
EMAIL: pulaupinang.esc07@gmail.com

**PERSATUAN FLOORBALL NEGERI PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4140766
EMAIL: jychuah25@gmail.com

**PERSATUAN GOLF PULAU PINANG**
NO TEL: 012-3140266
EMAIL: llchoo1962@yahoo.com

**PERSATUAN HOKI NEGERI PULAU PINANG**
NO TEL: 012-4933314
EMAIL: jayanpsha1973@hotmail.com

**MAJLIS JIMNASTIK AMATUR PULAU PINANG**
NO TEL: 019-4114896
EMAIL: ybchoo66@yahoo.com

**PERSATUAN JUDO PULAU PINANG**
NO TEL: 012-7658867
EMAIL: chkkee2@gmail.com

**PERSATUAN KABADDI AMATOR PULAU PINANG**
NO TEL: 012-5560294
EMAIL: shanker_7854@yahoo.com

**PERSEKUTUAN KARATE PULAU PINANG**
NO TEL: 017-4779400
EMAIL: penangkarate@gmail.com

**PERSATUAN KENU NEGERI PULAU PINANG (BARU)**
NO TEL: 012-4991141
EMAIL: girlietan123@hotmail.com

**PERSATUAN KRIKET PULAU PINANG**
NO TEL: 018-4668445
EMAIL: devvakumar@gmail.com

**PERSATUAN LAWAN PEDANG PULAU PINANG**
NO TEL: 012-4823255
EMAIL: pjlim_2000@yahoo.com

**PERSATUAN LAWN BOWLS NEGERI PULAU PINANG (2020)**
**NO TEL: 019-4719514**
**EMAIL: zanzuri.hashim@mbsp.gov.my**

**PERSATUAN LAWN TENIS PULAU PINANG**
NO TEL: 019-4465810
EMAIL: paullimht@hotmail.com

**PERSATUAN MEMANAH NEGERI PULAU PINANG**
NO TEL: 017-4155293
EMAIL: Syed971129@gmail.com

**KELAB MENEMBAK PULAU PINANG**
NO TEL: 012-4009333
EMAIL: boscloth@gmail.com

**PERSATUAN MUAYTHAI PULAU PINANG**
NO TEL : 019-4177460
EMAIL: hookhing1206@gmail.com

**PERSATUAN OLAHRAGA AMATUR PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4628260
EMAIL: govind0101@hotmail.com

**PERSATUAN OLAHRAGA MASTERS PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4628292
EMAIL: phpodim@gmail.com

**MAJLIS SILAT NEGERI PULAU PINAN**
NO TEL: 017-4156724
EMAIL: zack_hassan@gmail.com

**PERSATUAN PERAHU LAYAR NEGERI PULAU PINANG**
NO TEL: 011-55090078
EMAIL: roztai@gmail.com

**PERSATUAN PETANQUE NEGERI PULAU PINANG (BARU)**
NO TEL: 019-5782090
EMAIL: penque2010@gmail.com

**PERSATUAN PING PONG PULAU PINANG**
NO TEL: 012-4316119
EMAIL: tkoon@amlextech.com

**PERSATUAN RAGBI PULAU PINANG**
NO TEL: 019-5643555
EMAIL: ahmad.yusri.mohd.yusoff@gmail.com

**PERSATUAN RENANG AMATUR PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4354691
EMAIL: honsec.pasa@yahoo.com

**PERSATUAN SEPAKTAKRAW PULAU PINANG**
NO TEL: 013-4211422
EMAIL: ismadibb@gmail.com

**PERSATUAN SILAMBAM PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4674448
EMAIL: silambampenang@yahoo.com

**PERSATUAN SQUASH PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4182032
EMAIL: psdanloh@gmail.com

**PERSATUAN SOFBOL PULAU PINANG**
NO TEL: 017-4793548
EMAIL: kennyteoh@hotmail.com

**KELAB SUKAN MOTOR PULAU PINANG**
NO TEL: 017-4777919
EMAIL: ccolin88@gmail.com

**TAEKWONDO NEGERI PULAU PINANG (TM)**
NO TEL: 016-4596550
EMAIL: rajendran.rajoo@yahoo.com

**PERSATUAN TENPIN BOWLING PULAU PINANG**
NO TEL: 012-4851775
EMAIL: cheahbc2233@gmail.com

**PERSATUAN TINJU AMATOR PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4574002
EMAIL: scarujunan@usm.gov

**PERSATUAN WOODBALL PULAU PINANG**
NO TEL: 019-4558110
EMAIL: woodballpenang@yahoo.com

**PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN WUSHU, TARIAN SINGA DAN NAGA NEGERI PULAU PINANG**
NO TEL: 019-3219392
EMAIL: tayleongseng@gmail.com

**PERSATUAN AIKIDO NEGERI PULAU PINANG**
NO TEL : 012-5220684
EMAIL : arrowind.joshua@gmail.com

**PERSATUAN MENDAYUNG PULAU PINANG**
NO TEL: 016-4656961
EMAIL : kbkhoo1351@gmail.com

**PERSATUAN MENDAKI NEGERI PULAU PINANG**
NO TEL : 017-4790719
EMAIL : penangclimbing@gmail.com

# INFO SUKAN

### HUBUNGI KAMI

**Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang**
Jalan Sultan Azlan Shah
Batu Uban, 11700 Gelugor, Pulau Pinan
Tel: 04-659 3713 / 659 3714 / 659 3715
Faks: 04-659 5996
Email: info.msnpp@gmail.com

## SENARAI JURULATIH PROGRAM PELAPIS / BAKAT / TUNAS SERTA PUSAT LATIHAN 2020

### PROGRAM PELAPIS (16 - 20 TAHUN)

| SUKAN | JURULATIH | PUSAT LATIHAN |
|---|---|---|
| GIMNASTIK | KHOR MI ER | AKADEMI GIMNASTIK, MSNPP |
| | TAN TEIK JIN | AKADEMI GIMNASTIK, MSNPP |
| GIMRAMA | KOAY CHIA LI | AKADEMI GIMRAMA, MSNPP |
| KARATE | HOE THOMSON | PENANG KARATE FEDERATION DOJO TRANSFER ROAD |
| | YEAP BENG HEE | DOJO RAJA UDA / PKF CENTRE / DEWAN SILAT, BATU UBAN MSNPP |
| LAWN BOWLS | ABD MALEK BIN MD ISA | GELANGGANG BOLING PADANG, STADIUM BERTAM |
| MEMANAH | KAN KAR INN | PADANG JABATAN BELIA DAN SUKAN PULAU PINANG |
| OLAHRAGA | BABA AL HARIS BIN SHARBUDEEN | SK GENTING, BALIK PULAU / PADANG PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN WESTLANDS |
| | MOHD FIRDOUZ MAZLAN | STADIUM BANDARAYA PULAU PINANG / STADIUM OLAHRAGA USM |
| | SUNTHERAN A/L GOPAL | PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN WESTLAND / STADIUM BANDARAYA PULAU PINANG |
| | LIM CHEW PENG | SMK SERI BALIK PULAU |
| PELAYARAN | CHIN GUAN SEN | BAGAN AJAM SAILING CENTRE |
| PENCAK SILAT | HANIDA ZAILI BINTI ZAILANI | GELANGGANG SILAT LINCAH BAGAN DALAM |
| | MOHD RIZAL BIN ZAKARIA | DEWAN PENGKALAN BANGOR, LAHAR MINYAK, SPU / STADIUM BERTAM |
| RENANG | ANDREW OON HOCK BENG | PENANG CHINESE RECREATION CLUB, JALAN PADANG VICTORIA / MBPP RELAU SPORT COMPLEX |
| | TAN THENG MING | CHINESE SWIMMING CLUB, TANJUNG BUNGAH |
| SQUASY | MOHD JALIL BIN IBRAHIM | GELANGGANG SQUASH, B.M. COUNTRY CLUB |
| TENPIN BOWLING | KHOR WEI TAK | PENANG BOWL / MEGAMALL BOWLING CENTER |
| | NUR AMIRAH AUNI | PENANG BOWL / MEGAMALL BOWLING CENTER |
| TINJU | MOHAMAD EDHAM BIN CHE SABTU | GELANGGANG TINJU MSNPP |
| WUSHU | SOON GHEW KENG | DEWAN SILAT BATU UBAN, MSNPP |

### PROGRAM BAKAT (13 - 15 TAHUN)

| | | |
|---|---|---|
| KARATE | CELINE LEE XIN YI | PENANG KARATE FEDERATION DOJO LORONG DELIMA |
| | CHONG FOH YEOW | ALTIMATE M ONE MARTIAL ARTS / FITNESS CENTRE BAYAN LEPAS |
| LAWN BOWLS | NOOR AINI BINTI AHMAD | GELANGGANG BOLING PADANG, STADIUM BERTAM |
| RENANG | ANG TEAN HIN | KOLAM RENANG MBSP JALAN BETEK |
| | MICHAEL LIM POH HONG | KOLAM RENANG MBSP APARTMENT RIA, KAMPUNG BENGGALI, BUTTERWORTH, |
| WUSHU | TAN BOON HAU | PENANG CHINESE LADIES CHIN WOO CENTRE |

### PROGRAM TUNAS (13 - 15 TAHUN) - NEGERI

| | | |
|---|---|---|
| OLAHRAGA | ASRULAFENDY BIN SUKRI | SMJK (C) SACRED HEART |
| | SATIYASEELAN A/L MAHALIMGAM | STADIUM JALAN BETEK, BUKIT MERTAJAM |
| PETANQUE | MOHAMMAD SYAHIR SYAHMI BIN HASSAN | SMK PERMATANG RAWA / SMK BANDAR BARU PERDA |
| | MOHD HAIKAL BIN AMINUDDIN | GELANGGANG PETANQUE JBS, BATU UBAN |
| PING PONG | CHEAH KAR SHEAN | SJK (C) PEI YU, KEPALA BATAS |
| | CHIN EE HOOI | BLUE FIRE TRAINING CENTRE BANDAR TASIK MUTIARA, |
